

# **DOKUMEN MEJA**



**JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**UNTUK**

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN  
DI TAPAK PESTA, SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG  
SEMPENA PENGANJURAN PESTA PULAU PINANG  
2022**

**NO. SEBUT HARGA: 12/2022**

**Tarikh Tutup:**

**9 NOVEMBER 2022  
JAM 12.00 TENGAH HARI**

**DIKELUARKAN OLEH:**

Jawatankuasa Kecil Kebersihan  
Pesta Pulau Pinang 2022  
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 23, KOMTAR  
10990 PULAU PINANG



**JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat bertaraf **Bumiputera** dan **Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi sebut harga seperti berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH PELAWAAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP
12/2022	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI TAPAK PESTA, SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG SEMPENA PENGANJURAN PESTA PULAU PINANG 2022	221002	2 November 2022	9 November 2022 Jam 12.00 tengah hari

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri **sesi taklimat dan lawatan tapak** yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

**Tarikh** : **4 November 2022 (Jumaat)**  
**Masa** : **10.00 pagi**  
**Tempat** : **Gerai A5, Tapak Pesta,  
Jalan Sultan Azlan Shah,  
11700 Sungai Nibong, Pulau Pinang.**

**Kehadiran** : **Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)**

## DOKUMEN MEJA

3. Penyebutharga perlu membawa bersama dokumen-dokumen yang masih sah laku (**salinan asal**) seperti berikut :
  - i) **Sijil Pendaftaran Syarikat beserta maklumat pemilik yang masih sah;**
  - ii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah (Kod Bidang ditetapkan); dan**
  - iii) **Kad Pengenalan Pemilik.**
4. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 9 November 2022 jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang.**
5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

## ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

### 1. PERIHAL SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah bagi menjalankan ‘Perkhidmatan Pembersihan Kawasan di Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang Sempena Penganjuran Pesta Pulau Pinang 2022’ bagi tempoh **Lima Puluh (50) hari mulai dari 19 November 2022 Hingga 07 Januari 2023.**

### 2. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah/tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 3.1. Penyediaan Sebut Harga

Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebut harga. Setiap syarikat yang menyertai hanya boleh mengemukakan satu dokumen sebut harga dengan satu tawaran harga sahaja. Sekiranya terdapat lebih daripada satu dokumen Sebut Harga dikemukakan maka hanya dokumen yang terawal dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga diterima untuk penilaian selanjutnya.

#### 3.2. Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. **Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.**

**4. BORANG MAKLUMAT DIRI PEMILIK SYARIKAT (LAMPIRAN G)**

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop, tawaran penyebut harga menjadi tidak sah dan dengan sendirinya tertolak.

**5. BORANG TAWARAN SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)**

**5.1. Harga Tawaran**

Penyebut harga adalah diingatkan bahawa kadar harga keseluruhan yang ditawarkan adalah hasil daripada kos yang dibuat berpandukan Asas Pengiraan Harga di **LAMPIRAN I**.

- 5.2. Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat sebagai penyebut harga. Borang yang tidak bertandatangan dan tidak bercop adalah tidak sah dan akan ditolak.

**6. ASAS PENGIRAAN TAWARAN SEBUT HARGA (LAMPIRAN I)**

- 6.1. Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikembalikan.

- 6.2. Kadar harga keseluruhan yang ditawarkan dalam Jadual Harga di **Lampiran Q** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan elemen-elemen yang terkandung dalam lampiran ini. **Pihak Urus Setia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira semula berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebut Harga, tawaran Penyebut Harga boleh ditolak.** Penyebut Harga tidak dibenarkan membundarkan harga sebut harga kepada ringgit yang terhampir (**contohnya: RM10.39 dibundarkan kepada RM11.00**).

**7. JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN (LAMPIRAN E)**

Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap. Sila pastikan tiada catatan atau tanda mengenai nama syarikat dalam borang ini.

**8. JADUAL PEMATUHAN PERALATAN/KELENGKAPAN BAGI KEPERLUAN SEBUT HARGA (LAMPIRAN F)**

Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap. Bahan dan peralatan yang dinyatakan ini adalah merupakan jenis/jenama yang syarikat akan gunakan sekiranya syarikat berjaya ditawarkan sebut harga ini kelak. Sila pastikan tiada catatan atau tanda mengenai nama syarikat dalam borang ini.

## 9. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop penyebut harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

## 10. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

10.1. **Dokumen Cadangan Kewangan** yang WAJIB dikembalikan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. Borang Maklumat Diri Pemilik Syarikat (**LAMPIRAN G**)
- ii. Kedudukan Kewangan Syarikat (**LAMPIRAN H**)
- iii. Borang Tawaran Sebut Harga (**LAMPIRAN Q**)
- iv. Asas Perkiraan Harga (**LAMPIRAN I**)
- v. Surat Akuan Pembida (**LAMPIRAN K**)
- vi. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia termasuk maklumat pemilik masa kini dan maklumat perniagaan.
- vii. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan Malaysia.
- viii. Salinan penyata akaun bank syarikat bagi 3 bulan terkini (**Julai 2022, Ogos 2022 dan September 2022**).
- ix. Profail Syarikat.

## DOKUMEN MEJA

- 10.2. Dokumen Cadangan Kewangan ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertanda **SAMPUL A – DOKUMEN CADANGAN KEWANGAN**. Sampul berkenaan perlu dicatat perkataan seperti berikut:-

<b>SULIT SAMPUL A (DOKUMEN CADANGAN KEWANGAN)</b>
<b>NO. MOF : 357 – XXXXXXXX</b>
<b>NO. SEBUT HARGA : 12/2022</b>
<b>TARIKH TUTUP : 9 NOVEMBER 2022</b>

- 10.3. **Dokumen Cadangan Teknikal yang WAJIB** dikembalikan hendaklah mengandungi perkara berikut:-
- Jadual Pematuhan Spesifikasi Perkhidmatan (**LAMPIRAN E**)
  - Jadual Pematuhan Peralatan/Kelengkapan (**LAMPIRAN F**)
  - Senarai Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (**LAMPIRAN J**)
  - Katalog mengenai perkakasan, kelengkapan dan bahan pencucian.
  - Salinan surat tawaran atau dokumen kontrak daripada jabatan/agensi berkenaan sebagai bukti pengalaman.
- 10.4. Dokumen Cadangan Teknikal ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertanda **SAMPUL B – DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL**. Sampul berkenaan perlu dicatat perkataan seperti berikut:-

<b>SULIT SAMPUL B (DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL)</b>
<b>NO. MOF : 357 – XXXXXXXX</b>
<b>NO. SEBUT HARGA : 12/2022</b>
<b>TARIKH TUTUP : 9 NOVEMBER 2022</b>

- 10.5. Dokumen Cadangan Kewangan (Sampul A) dan Dokumen Cadangan Teknikal (Sampul B) yang lengkap dengan perkara-

## DOKUMEN MEJA

perkara di Para 10.1 dan 10.3 hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut :-

No. Sebut Harga : 12/2022

Tajuk Sebut Harga : Perkhidmatan Pembersihan Kawasan di Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang Sempena Penganjuran Pesta Pulau Pinang 2022.

Alamat : Urus Setia Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang.

- 10.6. Dokumen Sebut Harga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyeput harga ke dalam peti sebut harga yang disediakan di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang** pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Sebut harga yang lewat tidak akan diterima.
- 10.7. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen sebut harga yang dihantar:-
  - i. Hantar Sendiri Dengan Tangan  
Memasukkan dokumen sebut harga dalam peti sebut harga yang salah.
  - ii. Melalui Pos/Agen Penghantaran  
Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.
- 10.8. Penyeput Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebut harga yang disertainya

## 11. PENJELASAN LANJUT

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, penyebutharga boleh menghubungi Urus Setia Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

## 12. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 12.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 12.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

### 13. PELAKSANAAN *INTEGRITI PACT*

- 13.1. Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di **Lampiran K**.
- 13.2. Penyebut harga yang berjaya menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **Lampiran M**. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Kerajaan.

### 14. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga**. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah digunakan dan menyebut harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebut Harga apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga **DITOLAK**.

**1. Syarat-syarat Tawaran :**

- Tawaran hanya dibuka kepada syarikat yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang : 221002** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan untuk menyertai sebut harga tersebut.
  - Dokumen dan segala perakuan dokumen sebut harga mesti ditandatangani oleh Pemilik Syarikat sendiri. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cop rasmi penyebut harga akan **ditolak daripada pertimbangan**.
  - Borang Jadual Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan terang. **Borang-borang berkenaan hendaklah dihantar secara bertaip kemas**. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat.
  - Mengemukakan Surat Akuan Pembida (*SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010*).
  - Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi semua penyebut harga yang memasuki sebut harga ini. Kehadiran penyebut harga akan direkodkan. Kegagalan menghadiri lawatan tapak/taklimat akan mengakibatkan **penyebut harga tidak dapat menyertai sebut harga** berkenaan. Tujuan diadakan lawatan tapak adalah bagi membantu penyebut harga mendapat gambaran sebenar keluasan/kedudukan tapak pesta. Ini akan membantu penyebut harga dalam menentukan kadar harga tawaran yang sepatutnya.
2. Tempoh Perkhidmatan ini mulai **19 November 2022 hingga 07 Januari 2023 Lima Puluh (50) hari**.
3. Satu (1) Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah **tidak dibenarkan**.

**4. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**5. PENYETUJUAN**

Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima sebut harga yang terendah, tertinggi atau mana-mana sebut harga.

**6. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**7. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan menyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang timbul daripadanya.

LAMPIRAN D

**SYARAT-SYARAT KHAS SEBUT HARGA**

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN  
DI TAPAK PESTA, SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG  
SEMPENA PENGANJURAN PESTA PULAU PINANG 2022**

**1. TEMPAT DAN TEMPOH PERKHIDMATAN**

- 1.1.** Perkhidmatan pembersihan kawasan yang diperlukan adalah di **Tapak Pesta, Jalan Sultan Azlan Shah, 11700 Sungai Nibong, Pulau Pinang.**
- 1.2.** Tempoh perkhidmatan yang dikehendaki adalah dari **19 November 2022 sehingga 07 Januari 2023** selama **50 hari Sempena Penganjuran Pesta Pulau Pinang 2022.**

**2. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN**

**2.1. Tanggungjawab Syarikat**

- 2.1.1.** Kontraktor bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembersihan kawasan seperti Skop Perolehan Perkhidmatan yang telah ditetapkan.
- 2.1.2.** Kontraktor **tidak dibenarkan** untuk menyerahkan perkhidmatan pembersihan kepada kontraktor lain (sub-kontrak).
- 2.1.3.** Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk pembersihan kawasan di keseluruhan Tapak Pesta, Sungai Nibong setiap hari pada waktu siang dan malam. Setiap sesi kerja-kerja pembersihan hendaklah meliputi seluruh kawasan Tapak Pesta Sungai Nibong.
- 2.1.4.** Kontraktor dilarang sama sekali membakar sampah sarap yang telah dikutip dan hendaklah diangkut dan dibuang ke tempat pembuangan sampah yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu di **Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung, Seberang Perai Selatan atau tapak pelupusan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.**

- 2.1.5. Kontraktor hendaklah mendapatkan **permit/lesen yang berkaitan daripada Pihak Berkuasa Tempatan** bagi tujuan membolehkan kontraktor membuang sampah ke tempat pembuangan sampah yang disediakan. Segala kos yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan tersebut termasuk kos pengangkutan dan permit/lesen yang berkaitan adalah di bawah tanggungan pihak kontraktor.
- 2.1.6. Semua pekerja Kontraktor dikehendaki melaporkan diri mengikut masa bertugas sebelum menjalankan kerja-kerja pembersihan. Kontraktor juga dikehendaki menyediakan **borang kehadiran bertugas secara harian** untuk disertakan bersama dengan dokumen tuntutan bayaran. Borang tersebut perlu dikemukakan secara harian kepada Urus Setia Jawatankuasa Kecil Kebersihan Tapak Pesta.
- 2.1.7. Kontraktor bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kecuaian yang disebabkan oleh pekerjanya ke atas mana-mana harta Kerajaan Negeri di dalam Tapak Pesta, Sungai Nibong dan dikehendaki membayar kerugian yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pemberitahuan akan dibuat secara bertulis dan Kontraktor dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh tujuh hari (7) hari selepas menerima pemberitahuan tersebut. Sekiranya Kontraktor gagal membuat bayaran, Kerajaan Negeri berhak membuat potongan amaun dari bayaran perkhidmatan kepada Kontraktor.
- 2.1.8. Kontraktor adalah **diwajibkan** mengambil satu polisi insuran iaitu "**Workmens Compensation and Public Liability**" (**Pampasan Pekerja dan Insuran Tanggungan Awam**) bagi menjamin diri Kontraktor dan Kerajaan Negeri daripada apa-apa tuntutan pampasan / gantirugi atau segala perbelanjaan yang ditimbulkan bersabit dengan apa-apa perkara kerosakan, kehilangan barang atau kecederaan jika berlaku oleh kerana kelalaian atau kesilapan Kontraktor atau pekerjanya.
- 2.1.9. Sekiranya perlu, kontraktor dikehendaki meletakkan papan tanda atau amaran di tempat-tempat berkenaan semasa kerja pembersihan sedang dilaksanakan.
- 2.1.10. Kontraktor dikehendaki mengambil segala tindakan mencegah berlakunya sebarang kemalangan dan mementingkan keselamatan pekerja dan juga orang awam semasa menjalankan kerja-kerja.

- 2.1.11. **Segala perbelanjaan** seperti kos cukai setem atau kos yang bersangkutan dengan penyediaan Perjanjian Perkhidmatan hendaklah **ditanggung oleh kontraktor**.
- 2.1.12. Kontraktor pada bila-bila masa adalah bersedia membekal tenaga kerja tambahan atau bekerja lebih masa untuk pembersihan kawasan Tapak Pesta apabila diminta/ dikehendaki oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang tanpa pertambahan apa-apa kos.

## 2.2. Pekerja Kontraktor

- 2.2.1. Kontraktor bertanggungjawab ke atas pemilihan ataupun pengambilan pekerja-pekerja yang dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna. Pengambilan pekerja **di bawah umur 18 tahun** ataupun **pekerja asing tanpa dokumen yang sah adalah dilarang sama sekali**.
- 2.2.2. Kontraktor dikehendaki melantik seorang Penyelia yang akan berurusan dengan Kerajaan Negeri atau wakilnya. Penyelia tersebut juga akan memastikan pekerja-pekerjanya menjalankan kerja-kerja dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya pada setiap masa.
- 2.2.3. Amalan kebersihan diri yang sewajarnya perlu dititikberatkan. Kontraktor perlu memastikan bahawa kesemua pekerja berada dalam **keadaan sihat** dan tidak membawa sebarang **penyakit berjangkit**, memandangkan kawasan bekerja adalah di tempat awam yang sesak dengan orang ramai. Urus Setia berhak mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas kontraktor sekiranya terdapat sebarang kes berhubung penyebaran penyakit ketika bertugas yang berpunca daripada pekerja-pekerja kontraktor.
- 2.2.4. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa setiap pekerja adalah **bersih dari rekod jenayah**. Sekiranya pihak Urus Setia mendapati ada pekerja-pekerja mempunyai rekod jenayah yang tidak dilaporkan, pihak Kontraktor hendaklah mengambil tindakan serta merta untuk menghentikan pekerja tersebut daripada bekerja di Tapak Pesta.

- 2.2.5. Pekerja-pekerja seboleh-bolehnya hendaklah terdiri daripada **Warganegara Malaysia**. Walau bagaimanapun, pekerja warganegara asing juga boleh diterima dengan syarat peraturan-peraturan Imigresen dan lain-lain undang-undang yang berkaitan yang membolehkan mereka bekerja di Malaysia dalam bidang yang berkaitan telah dipatuhi.

### **2.3. Pakaian, Pas Masuk dan Kelengkapan Pekerja**

- 2.3.1. Pekerja-pekerja yang dilantik oleh Kontraktor dikehendaki memakai pakaian seragam, kasut dan pas masuk pada setiap masa agar mudah dikenali. **Bagi pekerja yang bertugas di kawasan Medan Selera adalah diwajibkan memakai topi disamping pakaian seragam dan kasut.**
- 2.3.2. Semua pekerja hendaklah dilengkapkan dengan kelengkapan berkaitan dengan kerja-kerja pembersihan dan peralatan-peralatan lain yang difikirkan perlu.

### **2.4. Disiplin**

- 2.4.1. Kontraktor bertanggungjawab di atas kelakuan dan disiplin pekerja-pekerjanya. Kawasan Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang tidak dibenarkan digunakan oleh pekerja-pekerja bagi apa-apa tujuan tanpa kebenaran Kerajaan Negeri.
- 2.4.2. Kontraktor serta pekerja-pekerjanya tidak dibenarkan membawa atau membenarkan **orang-orang yang tidak berkenaan** masuk ke dalam kawasan Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang melainkan mereka yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja-kerja dalam perjanjian ini.
- 2.4.3. Pekerja-pekerja haruslah berkelakuan baik dan jujur. Mana-mana pekerja yang berkelakuan tidak disenangi oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya boleh diarahkan keluar dari kawasan Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang dan tidak akan dibenarkan bekerja lagi. Pekerja-pekerjanya juga tidak dibenarkan mengambil apa-apa barang milik Kerajaan Negeri.

## **2.5. Pembayaran**

Pembayaran akan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas menerima dokumen tuntutan yang sempurna dan teratur daripada syarikat berdasarkan sebut harga yang ditawarkan dan Laporan Perkhidmatan yang disahkan oleh Penyelia Tapak.

## **2.6. Tidak Menjalankan Tugas/ Perkhidmatan Tidak mengikut Spesifikasi dan Standard Kualiti Kerja**

- 2.6.1. Sekiranya Kontraktor gagal untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya seperti di dalam Perjanjian ini, Urus Setia hendaklah berhak menahan atau menangguhkan bayaran- bayaran seperti dinyatakan di Perjanjian, kecuali dan sehingga Urus Setia berpuas hati bahawa Kontraktor telah menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya seperti mana yang dikehendaki.
- 2.6.2. Urus Setia juga berhak menolak atau mengurangkan apa-apa pembayaran kepada Kontraktor sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak memuaskan.

## **2.7. Kontrak**

- 2.7.1. Penyebut Harga yang berjaya adalah diwajibkan mengikat suatu kontrak dengan Kerajaan. Contoh perjanjian kontrak yang akan digunakan adalah seperti di **Lampiran L**. Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk meminda sebarang syarat atau terma yang terkandung dalam perjanjian kontrak tersebut.
- 2.7.2. Syarat-syarat dalam Sebut Harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

## **2.8. Perubahan Syarat-Syarat**

- 2.8.1. Kerajaan sentiasa berhak mengubah dari semasa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 2.8.2. Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi perkhidmatan satu tempoh biasa, maka harga perkhidmatan baru dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

## 2.9. Tempoh Kontrak

Tempoh kontrak adalah selama **lima puluh (50) hari** iaitu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam surat setuju terima. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah berhak menentukan tempoh kontrak yang sebenarnya.

## 2.10. Penamatian Persetujuan

Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan:

2.10.1. Jika kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;

2.10.2. Jika Kontraktor itu sebagai orang perseorangan atau apabila Kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan/atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.

**Atau**

2.10.3. Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan kontraktor) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatian Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik gantirosak.

## 3. LAIN-LAIN ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

3.1. Satu proses pengenalan tugas selama satu (1) hari akan diadakan sehari sebelum kerja sebenar bermula tanpa sebarang bayaran (tertakluk kepada penetapan dan pindaan pihak Urus Setia). Proses pengenalan tugas hendaklah dilakukan bersama dengan wakil Urus Setia. Di antara perkara-perkara yang akan dilakukan ialah :

- i. Mengemukakan senarai dan butir-butir pekerja;
  - ii. Menyediakan jadual tugas;
  - iii. Mempamerkan alat-alat yang dimiliki oleh Kontraktor;
  - iv. Mempamerkan contoh bahan bagi kerja-kerja pencucian yang diperlukan kepada Urus Setia;
  - v. Membuat jadual kerja mengikut pecahan tenaga kerja dan tugas-tugas disenaraikan dengan jelas.
- 3.2. Penyebut Harga yang berjaya wajib menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya dan satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran L dan M** dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.
- 3.3. Urus Setia berhak menyemak semula jumlah harga tawaran berdasarkan kadar harga yang ditawarkan oleh penyebut harga. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh Urus Setia, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh Urus Setia akan diguna pakai untuk tujuan sebut harga ini.

#### **3.4. Menarik Balik Tawaran/Menolak Tawaran**

Penyebut harga **tidak boleh** menarik balik tawaran sebelum sebut harga tersebut dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebut harga tersebut dipertimbangkan atau tawaran telah dibuat. Jika Penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama Penyebut harga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:-

- 3.4.1. Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
- 3.4.2. Lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua; dan
- 3.4.3. Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.

#### **3.5. Pertikaian**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah (kecuali selainnya dipersetujui dengan ketentuan secara bertulis di antara Kerajaan dengan Kontraktor) dirujukkan kepada penimbang tara dua pihak yang dilantik iaitu lantikan oleh Kerajaan dan lantikan oleh Kontraktor. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

### **3.6. Hal-Hal Lain**

- 3.6.1. Semua **arahan tambahan** yang diberi secara bertulis atau lisan oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya hendaklah dipatuhi pada setiap masa.
- 3.6.2. Kontraktor tidak dibenarkan membuat sebarang kutipan bayaran tandas. Segala urusan kutipan adalah dibawah tanggungjawab Urus Setia tapak pesta.

**LAMPIRAN E**  
**JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN**

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN  
DI TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG  
SEMPENA PENGANJURAN PESTA PULAU PINANG 2022**

<b>BIL</b>	<b>SPESIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>DITANDA OLEH PENYEBUTHARGA</b>		<b>CATATAN</b>
			<b>PATUH (/)</b>	<b>TIDAK PATUH (X)</b>	
<b>1.0</b>	<b>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN/ BANGUNAN</b>				
1.1	<b>Bagi tempoh 50 hari dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.</b>				
1.1.1	Membekalkan seorang Penyelia yang akan mengawasi dan menyelia semua Pekerja dan memastikan semua Pekerja menjalankan Perkhidmatan dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri.	1 orang untuk 50 hari			
1.1.2	Membekalkan tenaga buruh seramai <b>15 orang (melantik sekurang-kurangnya 1 orang perempuan)</b> untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan Urus Setia, booth tiket, kawasan hadapan dan persekitaran booth tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan Urus Setia dari semasa ke semasa.	15 orang untuk 36 hari			

DOKUMEN MEJA

BIL	SPESIFIKASI PERKHIDMATAN	KUANTITI	DITANDA OLEH PENYEBUTHARGA		CATATAN
			PATUH (/)	TIDAK PATUH (X)	
1.1.3	Membekalkan tenaga buruh seramai <b>7 orang</b> untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan Urus Setia, booth tiket, kawasan hadapan dan persekitaran booth tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan Urus Setia dari semasa ke semasa.	<b>7 orang untuk 14 hari (sebelum)</b>  <b>7 orang untuk 14 hari (selepas)</b>			
1.1.4	Menyediakan alat kelengkapan kebersihan yang <b>mencukupi atas tanggungan Kontraktor</b> untuk kerja-kerja seperti di perkara 1.1.2 di atas seperti tong sampah, plastik sampah, penyapu, penyodok, mop, penyakar, alat pembersihan tandas, wangian tandas, sabun pencuci tangan, getah paip tandas bagi kegunaan pengguna dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengan kerja pembersihan.	Secukupnya			

BIL	SPESIFIKASI PERKHIDMATAN	KUANTITI	DITANDA OLEH PENYEBUTHARGA		CATATAN
			PATUH (/)	TIDAK PATUH (X)	
1.1.5	Menyediakan mesin pengering lantai 'Blower' dengan jumlah yang mencukupi untuk mengeringkan lantai tandas atau kawasan lain sepetimana yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.	Secukupnya			
<b>1.2</b>	<b>Bagi tempoh 36 hari dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam.</b>				
1.2.1	Membekalkan <b>seorang</b> Penyelia yang akan mengawasi dan menyelia semua Pekerja dan memastikan semua Pekerja menjalankan Perkhidmatan dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri.	<b>1 orang untuk 36 hari</b>			
1.2.2	Membekalkan tenaga buruh seramai <b>43 orang (melantik sekurang-kurangnya 5 orang perempuan)</b> untuk kerja-kerja seperti berikut:	<b>43 orang untuk 36 hari</b>			
1.2.2.1	Kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan Urus Setia, booth tiket, kawasan hadapan dan persekitaran booth tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan Urus Setia dari semasa ke semasa.	-			

DOKUMEN MEJA

BIL	SPESIFIKASI PERKHIDMATAN	KUANTITI	DITANDA OLEH PENYEBUTHARGA		CATATAN
			PATUH (/)	TIDAK PATUH (X)	
1.2.2	Menyediakan alat kelengkapan kebersihan yang mencukupi atas tanggungan Kontraktor untuk kerja-kerja seperti di perkara di atas seperti tong sampah, plastik sampah, penyapu, penyodok, mop, penyakar, alat pembersihan tandas, wangian tandas, sabun pencuci tangan, getah paip tandas bagi kegunaan pengguna dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengan kerja pembersihan.	Secukupnya			
1.2.3	Menyediakan mesin pengering lantai 'Blower' dengan jumlah yang mencukupi untuk mengeringkan lantai tandas atau kawasan lain sepertimana yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.	Secukupnya			
<b>2.0</b>	<b>PENGANGKUTAN LORI SAMPAH</b>				
2.1	Membekalkan perkhidmatan pengangkutan lori sampah dari tapak pengumpulan sampah di Tapak Pesta Sungai Nibong ke <b>Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung, Seberang Perai Selatan</b> atau tapak pelupusan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan termasuk segala caj-caj/permit/lesen yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan sampah serta kos sewaan <b>4 buah tong sampah</b>	<b>Bilangan trip tertakluk kepada keperluan untuk mengosongkan tong sampah sebelum jam 4.00 petang pada setiap hari.</b>			

DOKUMEN MEJA

BIL	SPESIFIKASI PERKHIDMATAN	KUANTITI	DITANDA OLEH PENYEBUTHARGA		CATATAN
			PATUH (/)	TIDAK PATUH (X)	
	<b>besar (roro) untuk ditempatkan di tapak pemunggahan Tapak Pesta.</b>				
<b>3.0</b>	<b>KEPERLUAN LAIN</b>				
3.1	Jadual tugasan harian Pekerja yang merangkumi bilangan pekerja, zon bekerja dan senarai tugas perlu disediakan untuk pemantauan oleh Urus Setia.	-			
3.2	Menyediakan tong kitar semula ( <i>recycling bin</i> ) dengan jumlah yang mencukupi.	4 Set			

**Penyebutharga**

**Saksi**

Tandatangan : .....

Tandatangan : .....

Nama : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Tarikh : .....

**Sila pastikan tiada catatan atau sebarang tanda berkaitan nama syarikat di borang ini.**

**JADUAL PEMATUHAN PERALATAN/KELENGKAPAN**

Peralatan dan kelengkapan yang akan disediakan oleh kontraktor bagi kerja-kerja Perkhidmatan Pembersihan Kawasan di Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang Sempena Penganjuran Pesta Pulau Pinang 2022 seandainya ditawarkan kontrak perkhidmatan adalah seperti berikut:-

Bil	Peralatan / Kelengkapan	Jenis / Model / Jenama	Kuantiti		Ditanda oleh Penyebutharga		Catatan
			Minimum Yang Diperlukan	Ditawarkan oleh Penyebut - harga	Patuh (/)	Tidak Patuh (X)	
1	Cucian Lantai						
	i. Pengilap ( <i>polishing</i> )		2 unit				
	ii. Pengikis ( <i>scrubbing</i> )		2 unit				
	iii. <i>Auto Scrubbing</i>		1 unit				
	iv. Pembersih Hampagas						
	a) Kering		3 unit				
	b) Basah dan Kering		2 unit				
	v. Mesin <i>shampooing carpet</i>		1 unit				
2	Mesin Pengering Air ( <i>Air blower</i> )		8 unit				
3	Water Jet (Penembak air berkuasa tinggi)		1 unit				
4	Kenderaan Pengangkutan (untuk kegunaan dalam kawasan perkhidmatan) seperti berikut:						
	i. Lori (1 tan)		1 unit				
	ii. Van		1 unit				
5	Tong roro (tempat pengumpulan sampah)		4 unit				
6	Peralatan dan Bahan Pencucian						
	i. Plastik HDPE (hitam)						
	ii. Plastik HDPE (biru)						
	iii. Tisu Jumbo <i>roll/tisu roll</i>						
	iv. Penyapu sawang						
	v. Penyapu roman/lidi						
	vi. Mop/ <i>dust mop</i>						
	vii. Tuala kecil						
	viii. Baldi						
	ix. <i>Single/double bucket mop</i>						
	x. Squeegee cermin						
			Secukupnya Untuk Tempoh Perkhidmatan				

DOKUMEN MEJA

	xi. Squeegee lantai xii. Sabun Cuci Tangan xiii. Syampoo Karpet xiv. Pewangi xv. Bahan pencuci pinggan/mangkuk. xvi. Bahan pencuci permukaan plastik.					
10	Tong Kitar semula (Recycling Bin)		4 Set			

Lain-lain peralatan/bahan cucian yang ditawarkan/ dicadangkan. (sila senarai dan lampirkan bersama-sama borang ini).

**Penyebutharga**

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

**Saksi**

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

**Sila pastikan tiada catatan atau sebarang tanda berkaitan nama syarikat di borang ini.**